

## **Kes harian paling rendah sejak PKP, tiada kematian baru**

**Malaysiakini**

**20 April 2020**

Buat pertama kali sejak perintah kawalan pergerakan (PKP) diperkenalkan pada 18 Mac lalu, Malaysia hari ini mencatatkan kes harian Covid-19 baru paling rendah.

Dalam sidang medianya hari ini, Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan bahawa hanya 36 kes baru dilaporkan setakat tengah hari tadi. Ini menjadikan angka kumulatif kes Covid-19 ialah 5,425.

Rekod pertambahan kes harian paling rendah adalah 35 kes, iaitu pada 14 Mac lalu.

Noor Hisham hari ini juga memaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian baru yang dilaporkan setakat tengah hari tadi. Ini menjadikan jumlah korban akibat wabak itu kekal pada 89.

Sementara itu, jumlah pesakit yang pulih bertambah 98 orang lagi, menjadikan jumlah keseluruhan yang pulih dan dibenarkan keluar hospital ialah sebanyak 3,295 atau 60.7 peratus.

Mengambil kira pesakit yang sudah sembuh, ini bermakna kes aktif dan sedang menerima rawatan ketika ini ialah 2,041.

Sementara itu, Noor Hisham berkata penurunan jumlah kes harian yang dapat dilihat sejak kebelakangan ini adalah hasil daripada tindakan proaktif dan agresif dalam mengesan kes yang dijalankan terutama dalam tempoh dua minggu yang lalu.

Bagaimanapun, Noor Hisham memaklumkan bahawa jumlah atau bilangan kes baharu mungkin boleh meningkat kembali dalam tempoh dua minggu akan datang memandangkan aktiviti pengesanan kes masih giat dijalankan terutamanya ke atas rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dan di lokaliti yang terlibat di bawah perintah kawalan pergerakan diperketatkan (PKPD).

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/521643>